

Agenda kelestarian hijau, UPM tanam pokok bakau di Sijangkang



PROGRAM Pendidikan Pokok Bakau 2026 dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang serta tajaan Yayasan Axiata.

Rentak Kampus

Oleh FARID AHMAD TARMUJI

SETIAP tumbuh-tumbuhan mempunyai perannya yang tersendiri di dalam ekosistem alam dan kehidupan. Begitu juga dengan pokok bakau, tumbuhan ini memainkan peranan yang besar di dalam ekosistem pantai dan fungsi utamanya melindungi pantai daripada terkakis.

Selain itu, pokok bakau juga menjadi habitat kepada pelbagai spesies laut seperti ikan, udang dan ketam. Justeru, hutan paya bakau yang menjadi tempat pokok bakau membesar wajar terus dipelihara.

Menyadari hal tersebut, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Pengajian Sains Sosial (IPSS) baru-baru ini menganjurkan Program Pendidikan Pokok Bakau 2026.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai

kepentingan pemuliharaan hutan paya bakau sebagai ekosistem penting yang menyokong kesejahteraan alam sekitar dan komuniti pesisir.

Berlangsung di Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang di Kuala Langat, Selangor, program tersebut melibatkan penyertaan pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UPM dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang serta tajaan Yayasan Axiata.

Seramai 70 pelajar menyertai program yang mendekatkan diri dengan alam sekitar tersebut.

Salah seorang peserta program, Amni Zahira Saiful Anuar, 21, berpendapat, program tersebut memberi pengalaman baharu yang menyeronokkan dan membuka perspektif terhadap pembelajaran di bilik kuliah.

"Topik ini berkait rapat dengan pembelajaran kami mengenai pencemaran udara dan alam sekitar."

"Melalui program ini, saya dapat melihat sendiri peranan hutan paya bakau dalam membantu mengurangkan kesan pencemaran," katanya yang merupakan



SERAMAI 70 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM menyertai Program Pendidikan Pokok Bakau 2026 yang berlangsung di Kampung Sijangkang, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini.

pelajar Bachelor Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, FPSK, UPM.

Seorang lagi peserta, Meor Ahmad Iman Nor Nizam berkata, program berkenaan meningkatkan kefahamannya terhadap kepentingan ekosistem bakau dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

"Saya berharap aktiviti seperti ini diteruskan dan diperluaskan di universiti bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang tanggungjawab menjaga alam sekitar," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian Hijau IPSAS, UPM, Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata, penganjuran program ini selari dengan aspirasi universiti dalam memperkukuh agenda kelestarian hijau dan pembangunan mampan.

Menurutnya, sebanyak 300 pokok bakau ditanam pada program tersebut.

"Program ini menyokong objektif strategik ketujuh UPM iaitu membudayakan amalan kelestarian hijau ke arah pembangunan mampan, sejajar dengan Matlamat

Pembangunan Mampan (SDG) serta penarafan UI GreenMetric World University.

"Selain itu, program ini juga bertujuan mendidik generasi muda untuk bersama memulihara hutan paya bakau," katanya.

Tambahnya, pendedahan secara langsung di lapangan memberi pengalaman bermakna kepada pelajar untuk memahami fungsi hutan paya bakau sebagai benteng semula jadi, penyerap karbon dan sumber biodiversiti yang penting.

Dalam pada itu, Setiausaha Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang, Mohd. Fazrin Mohd. Rohali berharap kerjasama strategik bersama UPM dapat diteruskan bagi memastikan kawasan tersebut kekal relevan sebagai pusat rujukan dan penyelidikan pelajar.

"UPM antara institusi pengajian tinggi terawal yang tampil membantu komuniti di sini. Kami amat menghargai sumbangan ilmu dan kepakaran UPM dalam usaha memelihara serta menangani isu berkaitan hutan paya bakau," jelasnya.



PARA peserta berbekalkan semangat cintakan alam kelihatan ceria sambil menanam pokok bakau.



PROGRAM alam sekitar ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan pemuliharaan hutan paya bakau.



HUTAN paya bakau memainkan peranan yang besar dalam ekosistem pantai dan fungsi utamanya melindungi pantai daripada terkakis.



PENGANJURAN program selari dengan aspirasi UPM dalam memperkukuh agenda kelestarian hijau dan pembangunan mampan.



SEBANYAK 300 pokok bakau ditanam oleh para peserta program.